

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**PEMIKIRAN IMRAN N. HOSEIN TENTANG PEPERANGAN YAKJUJ DAN MAKJUJ
DI DALAM AN ISLAMIC VIEW OF GOG AND MAGOG IN THE MODERN
WORLD MENURUT PERSPEKTIF HADIS**

**[THE THOUGHTS OF IMRAN N. HOSEIN ON THE WAR OF GOG AND MAGOG
IN AN ISLAMIC VIEW OF GOG AND MAGOG IN THE MODERN WORLD
ACCORDING TO THE HADITH'S PERSPECTIVE]**

IKRAM KHALIL¹
FAISAL AHMAD SHAH¹

¹Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603, Kuala Lumpur, MALAYSIA

*Corresponding Author: abumuadz75@siswa.um.edu.my

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 16 October 2022

Abstrak

Imran N. Hosein merupakan sarjana Islam kontemporari yang banyak membincarkan eskatologi Islam di dalam karya-karya yang menarik seperti An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World yang menyentuh tentang Yakjuj dan Makjuj. Walaubagaimanapun pemikiran beliau tentang perang Yakjuj dan Makjuj didapati tidak selari dengan pandangan ulama hadis. Oleh itu, artikel ini membincangkan mengenai pemikiran Imran N. Hosein tentang perang Yakjuj dan Makjuj yang akan berlaku di akhir zaman menurut perspektif hadis. Objektif penulisan ini adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat Islam kemungkinan berlakunya salah faham dalam memahami hadis berkaitan Yakjuj dan Makjuj. Kesan daripada silap mengerti dan tafsiran yang tidak tepat terhadap hadis-hadis fitan menimbulkan persepsi keliru kepada umum. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif melalui kaedah analisis kandungan buku An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World. Dalam pada itu juga, pengkaji menggunakan metode dokumentasi yang merujuk sepenuhnya kepada kitab-kitab syarah hadis, tesis, disertasi, jurnal, laman sesawang dan buku-buku rujukan yang berkaitan. Hasil dapatkan merumuskan bahawa Perang Yakjuj dan Makjuj tidak dinyatakan di dalam teks hadis. Ia merupakan satu salah faham dan kesilapan dalam memahami hadis tentang Yakjuj dan Makjuj. Imran N. Hosein didapati menafsirkan hadis mengikut akal dan logik semata-mata selain terpengaruh dengan Isrā'īliyyāt. Kekeliruan ini berpunca daripada pengabaian salah satu kaedah memahami hadis fitan iaitu merujuk kepada mereka yang pakar di dalam ilmu hadis.

Kata kunci: Imran N. Hosein, An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World, Yakjuj dan Makjuj, Salah Faham Hadis, Akhir Zaman.

Abstract

Imran N. Hosein is a contemporary Islamic scholar who talks about Islamic eschatology in interesting works such as An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World, which touches on Yakjuj and Makjuj. However, his thoughts about the Yakjuj and Makjuj wars were inconsistent with the views of hadith scholars. Therefore, this article discusses Imran N. Hosein's thoughts about the battle of Yakjuj and Makjuj that will happen at the end of time according to the hadith perspective. This writing aims to reveal to the Muslim community the possibility of misunderstandings in understanding the hadith related to Yakjuj and Makjuj. The effects of misunderstandings and inaccurate interpretations of the fitan hadiths create a confused perception for the public. The methodology of this study is qualitative through the content analysis method of the book An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World. In the meantime, the researcher uses a documentation method that fully refers to hadith books, theses, dissertations, journals, websites, and related reference books. The findings concluded that the War of Yakjuj and Makjuj was not mentioned in the hadith text. It is a misunderstanding and mistake in understanding the hadith about Yakjuj and Makjuj. Imran N. Hosein was found to interpret the hadith according to common sense and logic in addition to being influenced by Isrā`iliyyāt. This confusion stems from the neglect of one of the methods of understanding hadith fitan, which refers to those who are experts in the science of hadith.

Keywords: *Imran N. Hosein, An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World, Gog And Magog, Misunderstood Hadith, End Times.*

Cite as: Ikram Khalil & Faisal Ahmad Shah. 2022. Pemikiran Imran N. Hosein tentang Peperangan Yakjuj dan Makjuj di dalam An Islamic View of Gog and Magog in The Modern World Menurut Perspektif Hadis [The Thoughts of Imran N. Hosein on The War of Gog and Magog in An Islamic View of Gog and Magog in The Modern World According to The Hadith's Perspective]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 23(3): 166-181.

PENGENALAN

Imran N. Hosein merupakan tokoh sarjana Muslim yang pakar di dalam tafsiran kontemporeri berkaitan eskatologi Islam (Schleifer, 2018). Sebagai seorang penulis prolifik melalui buku-buku tentang fitnah akhir zaman, karya-karya beliau sering mendapat perhatian daripada masyarakat dunia sehingga diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa asing dan dipasarkan di peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama, beliau berjaya menempatkan dirinya di media sosial dan media massa dalam pelbagai isu. Terkenal sebagai seorang tokoh yang berfikiran kritis serta berani mempertahankan pendapatnya walaupun tidak secocok dengan pandangan para sarjana. Antara buah fikiran beliau yang menongkah arus pemikiran ulama hadis ialah berkenaan Yakjuj dan Makjuj. Di dalam buku *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* Imran N. Hosein berpandangan Yakjuj dan Makjuj akan berperang sesama sendiri di dalam satu peperangan dahsyat yang disebut sebagai Perang Angkasa (*Star Wars*), *Armageddon* atau *al-Malhamah*. Pandangan ini berasaskan hadis riwayat al-Nawwās bin Sam`ān tentang perkataan anak panah dan tindakan Yakjuj dan Makjuj melepaskan anak panah mereka ke arah langit. Persoalannya adakah benar hadis riwayat al-Nawwās bin Sam`ān menjelaskan tentang peperangan Yakjuj dan Makjuj?

LATAR BELAKANG IMRAN N. HOSEIN

Imran Nazar Hosein dilahirkan di Trinidad, West Indies pada tahun 1942. Salasilah keturunan beliau adalah daripada golongan penghijrah yang berasal dari India (Hosein, 2001; Hosein, 2012). Pendidikan beliau bermula pada usia remaja di *Queen's Royal College* (Alleyne, 2009). Pada November 1963 beliau menyambung pengajian ke Universiti al-Azhar, Mesir. Namun begitu, pengajiannya di sana terlalu singkat kerana tidak serasi dengan sistem pengajian al-Azhar, Mesir. Beliau beranggapan al-Azhar tidak berkeupayaan menyelesaikan cabaran-cabaran yang ditimbulkan oleh sains moden, revolusi teknologi, isu-isu feminis dan sebagainya. Oleh yang demikian beliau meninggalkan Mesir untuk meneruskan pengajian di Institut Pengajian Islam Aleemiyah (*Aleemiyah Institute of Islamic Studies*), Karachi di bawah bimbingan Muhammad Fazl-Ur-Rahman Ansari. Beliau pulang ke Trinidad setelah berjaya memperolehi *al-Ijāzah al-`Āliyah* di Institut Pengajian Islam Aleemiyah pada tahun 1971 (Hosein, 2019). Imran N. Hosein juga pernah menuntut sebagai calon pasca siswazah dalam bidang falsafah di Universiti Karachi, bidang hubungan antarabangsa di University of West Indies, Trinidad dan juga di Institut Pengajian Siswazah Antarabangsa, Geneva (Hosein, 2001). Dari sudut profesion pula, perjalanan kerjaya Imran N. Hosein bermula sebagai pegawai diplomatik Kementerian Luar Negara di Trinidad dan Tobago. Walaubagaimanapun beliau meletakkan jawatan tahun 1985 dengan tujuan menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha menyampaikan dakwah Islam (Schleifer, 2018; Hosein, 1999). Beliau pernah menjawat beberapa jawatan lain antaranya sebagai Pengetua Institut Aleemiyah di Karachi, Pakistan, Pengarah Institut Pendidikan Islam dan Penyelidikan di Miami, Florida, Pengarah Pengajian Islam di Joint Committee of Muslim Organizations of Greater New York, Pengarah Kajian Kongres Muslim Sedunia di Karachi, Pakistan dan Pengarah Bahagian Dakwah di Tanzeem-e-Islami, Amerika Utara (Hosein, 1997; Hosein, 2001).

KARYA PENULISAN

Imran N. Hosein merupakan seorang tokoh yang banyak menghasilkan karya-karya bercorak keagamaan. Penulisan beliau lebih menumpukan kepada eskatologi, sains politik dan kewangan Islam. Selain itu terdapat karya-karya dalam pelbagai bidang seperti perbandingan agama, *`Ulūm al-Qur`ān*, ibadah dan akidah. Kebanyakan buku-buku Imran N. Hosein diletakkan di bawah satu siri penerbitan yang dinamakan sebagai Siri Memperingati Ansārī (*Anṣārī Memorial Series*) bagi menghargai jasa gurunya. Berikut merupakan antara hasil karya beliau:

1. *The Prohibition Of Ribā In The Qur'ān And Sunnah.*
2. *The Importance Of The Prohibition Of Ribā In Islam.*
3. *One Jamaat One Ameer: The Organization Of A Muslim Community In The Age Of Fitān.*
4. *The Religion Of Abraham And The State Of Israel: A View From The Qur'ān.*
5. *The Strategic Importance Of Isrā And Mirāj*
6. *Dreams In Islam*
7. *The Caliphate, The Hejaz, And The Saudi-Wahhabi Nation-State*

8. *Fasting And Power*
9. *The Quranic Method Of Curing Alcoholism And Drug Addiction*
10. *George Bernard Shaw And The Islamic Scholar*
11. *A Muslim Response To The 9/11 Attack On America*
12. *Jerusalem In The Qur'ān*
13. *Sūrah Al-Kahf Text Translation And Commentary*
14. *Sūrah Al-Kahf And The Modern Age*
15. *Signs Of The Last Day In The Modern World*
16. *The Gold Dīnār And Silver Dirham: Islam And The Future Of Money*
17. *The Islamic Travelogue*
18. *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World*
19. *The Strategic Importance Of Dreams And Visions In Islam*
20. *Explaining Israel's Mysterious Imperial Agenda*
21. *Iqbal And Pakistan's Moment Of Truth*
22. *Madīna Returns To Center-State In Ākhir Al-Zamān*
23. *In Search Of Khidr's Footprints In Ākhir Al-Zamān*
24. *Methodology For Study Of The Qur'ān*
25. *Dajjāl, The Qur'ān And Awwal Al-Zamān (The Beginning Of History)*
26. *The Qur'an The Great War And The West*
27. *The Qur'an, Dajjal and the Jasad*

Buku-buku yang disenaraikan di atas boleh diperolehi melalui laman sesawang <http://imranhosein.com/>. Selain daripada menulis buku, beliau juga aktif menghasilkan artikel dan menyampaikan siri kuliah berkaitan Islam khususnya berkaitan tanda-tanda kiamat, politik dan kewangan Islam. Artikel dan siri syarahan beliau dapat dilayari melalui laman sesawang <http://imranhosein.org/n/articles/> dan <https://www.youtube.com/user/SheikhImranHosein?app=desktop>

BUKU AN ISLAMIC VIEW OF GOG AND MAGOG IN THE MODERN WORLD

Buku *An Islamic View of Gog and Magog in the Modern World* bertemakan futuristik atau masa depan yang membicarakan mengenai fitnah Yakjuj dan Makjuj. Perbahasan berkisar mengenai Yakjuj dan Makjuj melalui tafsiran beberapa ayat al-Quran daripada surah al-Kahfi dan al-Anbiya` , huraian daripada hadis-hadis Nabi SAW, pengamatan kepada sejarah lalu dan peristiwa-peristiwa semasa yang berlaku abad ini. Buku ini berukuran standard 14.8 x 21 sentimeter, berkulit nipis dan mempunyai 226 halaman. Buku ini turut dikategorikan di dalam kumpulan buku Siri Memperingati Anṣārī (*Ansāri Memorial Series*) yang diterbitkan untuk mengenang jasa guru beliau iaitu Maulana Anṣārī.

Cetakan sulung buku *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* diterbitkan oleh Masjid Jāmi`ah, City Of San Fernando, Trinidad And Tobago pada tahun 2009 manakala edisi kemaskini pula diterbitkan tiga tahun selepas edisi pertama dikeluarkan. Buku ini boleh didapati dalam dua versi iaitu salinan bercetak (*hardcopy*) dan juga salinan digital (*softcopy*) dalam bentuk *e-book* berformat PDF yang boleh di dapatkan melalui laman sesawang <http://imranhosein.com/>.

OBJEKTIF PENULISAN BUKU

Pengamatan penulis mendapati matlamat utama Imran N. Hosein menulis buku ini adalah untuk meyakinkan para ulama bahawa Yakjuj dan Makjuj telah terlepas ke dunia luar atau dengan kata lain telah keluar dari sebalik tembok sejak lama dahulu. Objektif penulisan buku ini dapat diperhatikan dalam pernyataan di bawah:

Despite my best efforts, however, I failed miserably, again and again, to convince my learned peers, the scholars of Islam, that Gog and Magog were even released into the world. I earnestly hope and pray that this book might make a difference Insha' Allah (Hosein, 2012).

Pernyataan beliau menunjukkan objektif penulisan buku *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* adalah untuk membuktikan bahawa Yakjuj dan Makjuj telah pun keluar dari sebalik tembok. Mereka berasal dari bangsa Khazar di pergunungan Caucasus dan kini berada dalam dua pakatan besar iaitu Anglo-Amerika-Israel dan Rusia. Beliau mengharapkan dapat mengubah pemikiran dan pandangan para ulama yang berpendapat Yakjuj dan Makjuj masih belum bebas dari sebalik tembok (Hosein, 2012).

YAKJUJ DAN MAKJUJ

Sebelum menganalisis pemikiran Imran N. Hosein tentang perperangan Yakjuj dan Makjuj, pengkaji akan membicarakan Yakjuj dan Makjuj secara ringkas. Para sarjana berbeza pandangan tentang lafadz Yakjuj dan Makjuj. Terdapat pandangan yang menyatakan kedua-dua kalimah ini adalah kata nama `ajam dan ada pula pandangan menyebutkan kedua-duanya adalah kata nama Arab. Yakjuj dan Makjuj berasal daripada keturunan Yafith bin Nuh.(al-Andalūsī, 1993; al-Ashqar, 1991; al-Shalabī, 1994). Kedua-dua golongan ini ada dinyatakan di dalam al-Quran melalui surah al-Kahfi ayat 94-98 dan surah al-Anbiya` ayat 96. Manakala hadis banyak menyebutkan tentang Yakjuj dan Makjuj terutama hadis-hadis berkaitan dengan tanda-tanda besar kiamat. Firman Allah SWT:

قَالُوا يَدَا الْقَرْبَيْنِ إِنَّ يَاجْوَجَ وَمَاجْوَجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ حَرْجًا عَلَىٰ أَن تَجْعَلَ بَيْتَنَا
وَبَيْتَهُمْ سَدًا (٩٤) قَالَ مَا مَكَنَّى فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ فَأَعْيُنُونِي بِعُوَادَةٍ بَيْتَكُمْ وَبَيْتَهُمْ رَدْمًا (٩٥) إِنَّا نُونِي رُبَّ
الْحَدِيدِ حَتَّىٰ إِذَا سَأَوَى بَيْنَ الصَّدَقَيْنِ قَالَ أَنْفُخُوا حَتَّىٰ إِذَا جَعَلَهُ نَارًا قَالَ إِنَّا جَعَلْنَا نَارًا فَرَغَ عَلَيْهِ قَطْرًا (٩٦) فَمَا
أَسْطَعُوا أَن يَظْهَرُوهُ وَمَا أَسْتَطَعُوا لَهُ نَبَأًا (٩٧) قَالَ هُدَا رَحْمَةً مِنْ رَبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَائِعَ
وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا (٩٨)

Terjemahan: Mereka berkata: "Wahai Zulkarnain, sesungguhnya kaum Yakjuj dan Makjuj sentiasa melakukan kerosakan di bumi. Maka setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?" Dia menjawab: "Kekuasaan yang Tuhanku jadikan daku menguasainya lebih baik, oleh itu bantulah daku dengan tenaga kamu beramai-ramai, aku akan bina antara kamu dengan mereka sebuah tembok penutup yang kukuh. Bawalah kepadaku ketul-ketul

besi sehingga apabila ia terkumpul separas tingginya menutup lapangan antara dua gunung itu, dia pun berkata: "Tiuplah dengan alat-alatmu," sehingga apabila ia menjadi api berkatalah ia: "Bawalah tembaga cair supaya aku tuangkan atasnya." Maka mereka tidak dapat memanjat tembok itu, dan mereka juga tidak dapat menebuknya. Berkatalah dia: "Ini ialah suatu rahmat dari Tuhanmu maka apabila datang janji Tuhanmu, ia akan menjadikannya hancur dan janji Tuhanmu itu benar (Al-Kahfi 18:93-98).

Firman Allah SWT:

حَتَّىٰ إِذَا فُتَحَتْ يَأْجُوجُ وَمَاجُوجُ وَهُمْ مَنْ كُلَّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ (٩٦) وَاقْرَبَ الْوَعْدُ الْحَقُّ فَإِذَا هِيَ شُخْصَةٌ
أَبْصَرُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْيَنَا قَدْ كُنَّا فِي غَفْلَةٍ مَّنْ هُنَّا بَلْ كُنَّا ظَلَمِينَ (٩٧)

Terjemahan: (Demikianlah keadaan mereka) hingga apabila terbuka tembok yang menyekat Yakuj dan Makjuj, serta mereka meluru turun dari tiap-tiap tempat yang tinggi. Dan hampirlah datangnya janji hari kiamat yang benar, maka dengan serta-merta pandangan mata orang-orang yang kufur ingkar terbelia (ambil berkata dengan cemas): "Aduhai celakanya Kami. Sesungguhnya kami telah tinggal dalam keadaan yang melalaikan kami daripada memikirkan perkara ini, bahkan kami telah menjadi orang-orang yang menganiaya diri sendiri" (Al-Anbiya` 21:96-97)

Ayat-ayat al-Quran di atas menunjukkan keluarnya Yakuj dan Makjuj sebagai petanda dekatnya kiamat. Kalimah *futihat* di dalam firman Allah SWT $\text{حَتَّىٰ إِذَا فُتَحَتْ يَأْجُوجُ وَمَاجُوجُ}$ bermaksud pembukaan tembok Yakuj dan Makjuj yang membolehkan mereka melepaskan diri. Lalu mereka turun dari setiap tempat yang tinggi dengan cepat untuk melakukan kerosakan di atas muka bumi (al-Alūsī, t.t; Ibn Kathir, 1999; Abī al-Su‘ūd, t.t)

Manakala hadis-hadis Rasulullah SAW banyak menjelaskan kedua-dua golongan manusia ini akan muncul dari sebalik tembok ketika kiamat hampir berlaku. Jika ditinjau kronologi besar kiamat, Yakuj dan Makjuj akan muncul setelah berlalunya fitnah Dajal (al-Wabil, 1995; al-Qudah, 2009). Mereka meloskan diri dari sebalik tembok lalu menuju ke bumi Syam. Dalam perjalanan ke Baitulmuqaddis, mereka singgah di tasik Tabariyyah untuk melepaskan dahaga sehingga tasik itu menjadi kering.

Tasik Tabariyyah atau Ṭabariyyā juga dikenali dengan Tasik Kinneret, Tasik Gennesaret, Laut Kinnereth, Laut Chinneroth, Tasik Tiberias dan juga Laut Galilee. Tasik ini merupakan satu-satunya tasik air tawar di Israel, terletak di bahagian terletak di utara Lembah Hanyutan Benua Laut Mati (*Dead Sea Rift Valley*). Tasik ini berukuran 21km panjang dengan lebar 13km, mempunyai 53km garis pantai dan paras airnya antara 209 dan 215m di bawah paras laut. Tasik ini merupakan sumber air tawar untuk negara Israel yang membekalkan 30% air untuk penggunaan negara. (Tibor et al., 2012; "Sea of Galilee | Lake, Israel," 2020; D. Markel, 2005). Disebabkan bilangan mereka yang terlalu ramai, tasik yang besar itu tidak mampu membekalkan bekalan air yang mencukupi untuk mereka minum. Perkara ini dinyatakan di dalam hadis seperti mana di bawah:

عَنِ النَّوَاسِ بْنِ سَمْعَانَ... إِذَا أُوْحِيَ اللَّهُ إِلَى عِيسَىٰ: إِنِّي قَدْ أَخْرَجْتُ عِبَادًا لِي، لَا يَدْعُونَ لِأَحَدٍ بِقِتَالِهِمْ، فَخَرَرْ
عِبَادِي إِلَى الطُّورِ وَيَبْعَثُ اللَّهُ يَأْجُوجَ وَمَاجُوجَ، وَهُمْ مِنْ كُلِّ حَدَبٍ يَسْلُونَ، فَيُمْرُّ أَوْ أَلْهُمْ عَلَى بُحْرَةَ
طَبَرِيَّةَ فَيَسْرُبُونَ مَا فِيهَا، وَيُمْرُّ أَخْرُهُمْ فَيَقُولُونَ: لَقَدْ كَانَ بِهَذِهِ مَرَّةً مَاءً...

Terjemahan: Daripada al-Nawwās bin Sam‘ān: "...Allah mewahyukan kepada Nabi Isa a.s: Sesungguhnya aku telah mengeluarkan hambaKu, tidak ada seorang pun yang mampu memerangi mereka, maka bawalah hamba-hambaku berlindung ke bukit. Lalu Allah mengeluarkan Yakjuj dan Makjuj mereka turun dari setiap tempat tinggi dengan cepat. Gerombolan paling hadapan melewati tasik Tabariyyah lalu meminum airnya. Gerombolan yang terakhir melalui tasik itu lalu berkata sebelum ini terdapat air di sini... (Sahīh Muslim, Kitāb al-Fitan wa Ashrāt al-Sā‘ah, Bāb Dhikr al-Dajjal, no. hadis 2937).

Hadis di atas menunjukkan Yakjuj dan Makjuj ke bumi Syam setelah mereka keluar dari sebalik tembok. Dalam perjalanan menuju ke Baitulmuqaddis mereka singgah untuk minum di Tasik Tabariyyah sehingga tasik tersebut menjadi kering. Setelah mereka keluar pelbagai fasad dan kerosakan yang dilakukan di atas muka bumi seperti membunuh setiap yang bernyawa dan merosakkan alam sekitar (al-Wābil, 1995; al-Shalabī, 1994).

Pemikiran Imran N. Hosein Tentang Peperangan Yakjuj Dan Makjuj.

Imran N. Hosein di dalam karyanya *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* berpendapat peperangan antara Yakjuj dan Makjuj akan berlaku di akhir zaman. Hadis yang menjadi dasar kepada pemikiran Imran N. Hosein tentang perang Yakjuj dan Makjuj merupakan potongan hadis di bawah:

". . . Gog and Magog would walk until they would reach the mountain of al-Khamar and it is a mountain of Bait-ul-Maqdis, and they would say: We have killed those who are upon the Earth. Let us now kill those who are in the sky, and they would throw their arrows towards the sky, and the arrows would return to them besmeared with blood. . . ." (Sahīh Muslim)

Menurut Imran N. Hosein hadis di atas mengisyaratkan Yakjuj dan Makjuj berkeupayaan melancarkan perang besar yang disebut sebagai Perang Angkasa (*Star Wars*), *Armageddon* atau *al-Malhamah*. Pemikiran beliau dirakamkan dalam petikan di bawah:

We have interpreted 'arrows' to imply that Gog and Magog possess 'star wars' military technology. Both Russia and the Anglo-American-Israeli alliance are capable of waging star wars (Hosein, 2012).

Not only do they possess formidable military power, but, in addition, it is clear from the word 'arrows' in the Hadīth quoted below that they will be capable of waging what is now known as 'star wars' (Hosein, 2012).

Dua petikan di atas dengan jelas menunjukkan perkataan “anak panah” di dalam hadis tersebut ditafsirkan dengan keupayaan dan kemampuan Yakjuj dan Makjuj untuk melancarkan satu perperangan yang dahsyat di akhir zaman. Dalam satu penjelasan lain Imran N. Hosein menafsirkan hadis Yakjuj dan Makjuj melepaskan anak panah ke langit dengan maksud mereka melancarkan peluru berpandu (Hosein, 2022).

Berdasarkan penyataan Imran N. Hosein di atas, samada perperangan itu diistilahkan sebagai Perang Angkasa, *Armageddon* atau *al-Malḥamah* ianya merujuk kepada satu perperangan besar di akhir zaman yang melibatkan Yakjuj dan Makjuj.

Persoalannya adakah benar hadis tersebut menjelaskan tentang perang Yakjuj dan Makjuj? Pengkaji memulakan analisis pemikiran Imran N. Hosein dengan menyelidiki dan menghurai hadis riwayat al-Nawwās bi Sam`ān al-Anṣārī yang menjadi asas kepada pemikiran beliau.

Hadis al-Nawwās bi Sam`ān al-Anṣārī:

Hadis yang menjadi dasar kepada pemikiran Imran N. Hosein tentang perperangan Yakjuj dan Makjuj adalah potongan hadis riwayat al-Nawwās bin Sam`ān al-Anṣārī. Teks hadis di dalam bahasa Arab adalah sebagaimana berikut:

ثُمَّ يَسِيرُونَ حَتَّىٰ يَنْتَهُوا إِلَى جَبَلِ الْخَمْرِ، وَهُوَ جَبَلُ بَيْتِ الْمَقْدِسِ، فَيَقُولُونَ: لَقَدْ قَاتَلْنَا مَنْ فِي الْأَرْضِ هُلْمَ فَلَنْقُلْ مَنْ فِي السَّمَاءِ، فَيَرْمُونَ بِشَابِيهِمْ إِلَى السَّمَاءِ، فَيَرْدُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ شَابِيهُمْ مَحْضُوبَةً دَمًا...

Terjemahan: ...Kemudian Yakjuj dan Makjuj akan berjalan sehingga sampai ke bukit *Khamr* iaitu bukit Baitulmuqaddis, kemudian mereka berkata: “ Kita telah membunuh mereka yang berada di bumi marilah kita bunuh pula sesiapa yang ada di langit, lalu mereka melepaskan anak-anak panah ke langit. Maka Allah SWT mengembalikan anak-anak panah mereka dalam keadaan berlumuran darah... (*Şahih Muslim*, *Kitab al-Fitan*, *Bab Dhikr al-Dajjal*, no. hadis 2937).

Petikan hadis di atas menerangkan Yakjuj dan Makjuj setelah sampai ke bukit di Baitulmuqaddis mereka menghalakan anak panah ke langit dengan tujuan membunuh penduduk langit. Tindakan mereka menyebabkan Allah SWT mengembalikan semula anak panah yang dilepaskan dalam keadaan berlumuran darah sebagai ujian, dugaan dan *istidrāj* bagi mereka (*Alī al-Qārī*, 2001).

Pandangan Imran N. Hosein tentang perkataan anak panah yang ditafsirkan sebagai kekuatan dan kemampuan Yakjuj dan Makjuj melancarkan perperangan perlulah dianalisis mengikut pandangan ulama hadis. Ini bagi memastikan kesahihan dan ketepatan dalam memahami hadis yang dimaksudkan serta mengelakkan kekeliruan dan salah faham. Berdasarkan penelitian terhadap kitab syarah-syarah hadis, para ulama tidak memperincikan perkataan *شَابِيه* yang termaktub di dalam hadis. Mereka hanya membahaskan kalimah *شَابِيه* dengan menyatakan maksudnya sebagai سهام iaitu anak panah (al-Nawawi, 2000; al-Mubārakfūri, 1999; Ibn al-'Arabī, 1997). Huraian selanjutnya berkisar pada kebarangkalian anak panah tersebut menyasarkan burung-burung berterbang yang menyebabkan anak

panah kembali semula kepada mereka dalam keadaan berlumuran darah (Al-Rājihī, 2018; al-Uramī, 2020).

Pengkaji mendapati para ulama tidak mentafsirkan perkataan anak panah dan perlakuan Yakjuj dan Makjuj melancarkan anak panah ke arah langit sebagai satu tindakan ketenteraan yang akhirnya mencetuskan perperangan. Oleh kerana itu, pengkaji berpendapat perkataan panah di dalam hadis perlulah di fahami secara zahir (tekstual) agar tidak menyimpang dari maksud sebenar. Ini kerana hadis hendaklah difahami mengikut sempadan bahasa Arab dan pemahaman ulama hadis. Kaedah ini perlu diperaktikkan bagi mengelakkan takwilan yang melampau dan terlalu jauh dari maksud yang dihendaki oleh nas hadis sehingga mengeluarkannya dari petunjuk bahasa dan syarak (Abu Bakr Kāfi, 2005).

Perkataan anak panah yang disebutkan di dalam hadis bukanlah sesuatu yang sukar untuk difahami iaitu senjata tradisional yang diperbuat daripada kayu. Kedua-dua hujungnya direntangi tali dan boleh dilenturkan untuk melancarkan senjata yang tajam (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020). Perkataan panah tidak mempunyai maksud metafora atau majaz sehingga memerlukan kepada takwilan untuk memahami maksud hadis ini. Oleh kerana itu, sesebuah hadis perlulah difahami secara zahir apabila tiada faktor lain yang menghalangnya untuk difahami secara sedemikian (Faisal Ahmad Shah, 2017). Panah tidak sewajarnya digambarkan sebagai senjata moden seperti raifal apatah lagi peluru berpandu yang digunakan secara meluas dalam perperangan moden masa kini. Lanjutan daripada ini, tindakan Yakjuj dan Makjuj melepaskan anak panah ke arah langit tidak sepatutnya dianggap sebagai satu bentuk perperangan.

Berkaitan dengan hal ini, al-‘Ajīrī (2011) menyatakan perkhabaran yang berkaitan dengan *fitan*, *al-malāhim* dan tanda-tanda kiamat hendaklah difahami secara zahir (tekstual). Nas-nas tersebut tidak diselewengkan dan diabaikan makna zahirnya akibat daripada sangkaan-sangkaan, pendustaan atau penggunaan akal secara batil. Perlunya sikap berwaspada dalam penggunaan *majāz* (kiasan) dengan tujuan mengaitkannya dengan sesuatu peristiwa. Begitu juga tidak sewajarnya tergesa-gesa mengaitkan sesuatu kejadian dengan nas serta mentafsirkannya bersandarkan hasil ciptaan dan teknologi semasa. Oleh kerana itu adalah lebih wajar sekiranya perkataan panah dikekalkan dengan maksud asal. Apatah lagi segala senjata canggih yang ada pada masa sekarang tidak lagi wujud di akhir zaman. Teknologi ketenteraan moden seperti bom dan peluru berpandu akan beransur-ansur hilang dan akhirnya akan lenyap sepenuhnya. Pada ketika itu manusia kembali menggunakan senjata tradisional seperti panah, perisai, pedang dan menunggang kuda (al-Ashqar, 1991; al-Muqaddam, 2008; Mu’ād Khin, 2018). Hadis di bawah menjelaskan tentang hal ini:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنِّي لَأَعْرِفُ أَسْمَاءَ هُنْ وَأَسْمَاءَ آبَائِهِمْ، وَأَلْوَانَ حُيُولِهِمْ، هُنْ خَيْرٌ فَوَارِسٌ عَلَى ظَهَرِ الْأَرْضِ يَوْمَئِذٍ - أُوْ مِنْ خَيْرٍ فَوَارِسٌ عَلَى ظَهَرِ الْأَرْضِ يَوْمَئِذٍ"

Terjemahan: Rasulullah SAW bersabda: “ Sesungguhnya aku kenal nama mereka dan nama bapa mereka serta warna kuda-kuda mereka. Mereka merupakan sebaik-baik perajurit berkuda di atas muka bumi pada ketika itu.” (Ṣahīḥ Muslim, Kitāb al-Fitan wa Ashrāt al-Sā‘ah, Bāb Iqbāl al-Rūm fī Kathrah al-Qatl ‘Ind Khurūj al-Dajjāl, no. hadis 7281).

Hadis di atas menceritakan tentang kejayaan umat Islam menewaskan bala tentera Rom dalam perang dahsyat akhir zaman. Dalam pada itu syaitan melaungkan bahawa Dajal telah muncul. Lalu dikirimkan sekumpulan sepuluh tentera perisik berkuda bagi mengesahkan perkara tersebut. Mereka adalah sebaik-baik tentera berkuda di atas muka bumi pada ketika itu. Hadis ini secara tidak langsung mengisyaratkan teknologi senjata dan perisikan moden akan lenyap di akhir zaman (al-Barāwī, 2007). Dapat disimpulkan daripada perbincangan di atas bahawa Yakjuj dan Makjuj tidak memiliki kekuatan ketenteraan dan kelengkapan perang yang serba canggih sebagaimana yang wujud pada masa sekarang. Sebaliknya mereka akan menggunakan senjata-senjata tradisional seperti panah dan perisai yang diperbuat daripada kayu. Satu-satunya maklumat yang menjelaskan tentang kekuatan mereka adalah kerana bilangan mereka yang terlalu ramai sehingga tidak dapat ditewaskan oleh sesiapa pun (al-Ashqar, 1991).

Satu lagi penjelasan yang menyokong pernyataan Yakjuj dan Makjuj tidak memiliki kekuatan ketenteraan moden ialah apabila umat Islam menjadikan senjata yang ditinggalkan setelah kematian mereka sebagai sumber bahan api. Hadis di bawah menerangkan hal ini:

عَنْ النَّوَاسِ بْنِ سَمْعَانَ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "سَيُوقَدُ الْمُسْلِمُونَ مِنْ قَبِيلِي يَأْجُوجَ وَمَاجُوجَ، وَتُشَابِهُمْ وَأَنْرَسِتُهُمْ سَبْعَ سِنِينَ"

Terjemahan: al-Nawwās bin Sam‘ān meriwayatkan, Rasulullah SAW bersabda: “Kaum Muslimin akan menyalakan api daripada busur, anak panah dan perisai Yakjuj dan Makjuj selama tujuh tahun.” (Ibnu Mājah 2000, Kitāb al-Fitan, Bāb Fitnah al-Dajjal wa Khurūj ‘Īsa Ibn Maryam, no. hadis 4076. Hadis ini dinilai sahih oleh al-Albānī).

Berdasarkan hadis di atas dapat dirumuskan umat Islam menjadikan senjata yang ditinggalkan oleh Yakjuj dan Makjuj setelah kematian mereka sebagai bahan bakar untuk memanaskan badan serta memasak makanan dan sebagainya untuk tempoh tujuh tahun (Muhammad bin Ghayth, 2013; al-Saqqāf, 2020). Sekiranya Yakjuj dan Makjuj mempunyai senjata moden yang kebiasaannya dihasilkan menggunakan besi, maka satu perkara yang mustahil bagi umat menjadikannya besi sebagai sumber bahan api untuk tujuan memasak makanan dan memanaskan badan.

Selanjutnya pengkaji juga tidak menemui sumber daripada hadis yang boleh dijadikan asas tentang kemungkinan berlakunya perang Yakjuj dan Makjuj. Walaupun mereka mempunyai kekuatan dengan jumlah yang ramai namun tiada satu bukti kukuh yang menunjukkan mereka bakal mencetuskan satu peperangan. Setelah keluar dari sebalik tembok, Yakjuj dan Makjuj tidak menerima tentangan daripada Nabi Isa a.s dan umat Islam pada ketika itu. Allah SWT hanya memerintahkan Nabi Isa a.s dan umat Islam menyelamatkan diri dengan berlindung di atas sebuah bukit. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kepada sebahagian teks hadis riwayat Imam Muslim seperti di bawah:

...فَيَطْلُبُهُ حَتَّىٰ يُدْرِكَهُ بَبَابٍ لِّدِّ، فَيَقْتُلُهُ، ثُمَّ يَأْتِي عَيْسَى ابْنَ مَرْيَمَ قَوْمٌ قَدْ عَصَمُهُمُ اللَّهُ مِنْهُ، فَيَمْسَحُ عَنْ وُجُوهِهِمْ وَيُحَدِّثُهُمْ بِدَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ، فَيَبِينُمَا هُوَ كَذَلِكَ أَذْ أَوْحَى اللَّهُ إِلَيْيَ عَيْسَى: إِنِّي قَدْ أَخْرَجْتُ عِبَادًا لِي، لَا يَدَانِ لِأَحَدٍ بِقَتَالِهِمْ، فَهَرَّبُ عِبَادِي إِلَى الطُّورِ وَيَبْعَثُ اللَّهُ يَأْجُوجَ وَمَاجُوجَ، وَهُمْ مِنْ كُلِّ حَدَبٍ يَتَسْلُونَ...

Terjemahan: ..Maka Isa a.s memburu Dajal sehingga sampai ke Bāb Ludd lalu membunuhnya. Kemudian Isa a.s datang kepada orang-orang yang terpelihara dari fitnah Dajal lalu baginda mengusap wajah-wajah mereka (bagi menghilangkan kesan-kesan debu peperangan sebagai satu simbolik bagi memuliakan mereka) dan memberitahu kedudukan mereka di syurga. Dalam keadaan sedemikian tiba-tiba Allah SWT mewahyukan kepada Isa a.s: “Sesungguhnya aku telah mengeluarkan hamba-hambaKu, tidak ada seorang pun yang mampu memerangi mereka, maka bawalah hamba-hambaku berlindung ke bukit”. Lalu Allah SWT mengirimkan Yakjuj dan Makjuj mereka turun dari setiap tempat tinggi dengan cepat...” (Sahīh Muslim, Kitāb al-Fitan wa Ashraṭ al-Sā‘ah, Bāb Dhikr al-Dajjāl, no. hadis 2937).

Hadis di atas menjelaskan tentang kekuatan Yakjuj dan Makjuj sehingga mereka tidak mampu untuk ditewaskan. Perkara ini dapat diketahui melalui teks hadis yang bermaksud tiada seseorang pun yang dapat memerangi dan mengalahkan mereka. Tangan yang disebutkan di dalam hadis merupakan kiasan kepada kekuatan kerana kedua-dua anggota itu merupakan lambang kekuatan (al-Nawawī, 2000; al-Uramī, 2018; al-Mubārakfūrī, t.t). Secara tidak langsung menunjukkan Yakjuj dan Makjuj bukanlah lawan yang patut diperangi oleh kerana itu Allah SWT mengarahkan Nabi Isa a.s membawa umat Islam berlindung ke bukit (al-‘Arīfi, 2011). Dengan ini dapat dinyatakan satu kesimpulan, Yakjuj dan Makjuj tidak menerima tentangan dari mana-mana pihak yang boleh dianggap sebagai satu pertempuran atau peperangan.

Secara tuntas, penulis tidak menemui sumber daripada hadis yang menyebutkan berlakunya peperangan Yakjuj dan Makjuj. Sebaliknya analisis pengkaji menemui maklumat tentang peperangan yang melibatkan Yakjuj dan Makjuj di dalam teks *Bible*. Perang besar disebutkan di dalam *Hebrew Bible* melalui Kitab Yehezkiel (*Ezekiel*) dan *Greek New Testament* di dalam Kitab Wahyu (*Book Of Revelation*) (Stephen Alexander Hunter, 1921; Samuel H. Sutherland et. al, 2017; Lydia Lee, 2017; Jiri Moskala, 2017). Sebagai contoh nas di dalam Kitab Suci Terjemahan Dunia Baharu (2017) menyebutkan:

Sebaik sahaja 1000 tahun itu berakhir, syaitan akan dibebaskan dari penjaranya lalu dia akan pergi menyesatkan *Gog and Magog*, iaitu bangsa-bangsa di empat penjuru bumi dan mengumpulkan mereka untuk berperang (Wahyu 20:7-8).

Berdasarkan teks di atas, menurut agama Kristian terdapat “perang besar” yang melibatkan Yakjuj dan Makjuj pada akhir zaman apabila syaitan dilepaskan daripada kurungan setelah kemunculan Dajal. Pada ketika itu, syaitan akan mengerahkan segala kekuatan termasuklah Yakjuj dan Makjuj sehingga mencetuskan perang dahsyat di sekitar Jerusalem. (Ibnu Kātib Qayṣar, t.t; al-Fikrī, 2020; al-Aḥmadī, 2009). Justeru berasaskan teks dan tafsiran *Bible* Imran N. Hosein kelihatan terpengaruh dengan tafsiran-tafsiran *Bible* tentang perang Yakjuj dan Makjuj yang bakal berlaku.

Ini dapat diperkuuhkan lagi apabila Imran N. Hosein turut menyatakan perang Yakuj dan Makjuj tersebut sebagai Perang Angkasa (*Star Wars*) (Hosein, 2012). *Star Wars* merupakan satu bencana luar biasa yang telah diramalkan iaitu pertempuran kosmik antara kekuatan baik dan jahat (John C. Lyden, 2016). Analisis pengkaji mendapati *Star Wars* yang digambarkan sebagai perang akhir zaman menerima pengaruh daripada *Bible*. Perkara ini dapat dilihat apabila sebahagian mubaligh Kristian (*evangelis*) mengaitkan senjata pemusnah *Star Wars* dengan perang terakhir antara Yakuj dan Makjuj (John S. Pobee, 1988). Ini menunjukkan *Star Wars* mempunyai pengaruh keagamaan daripada *Bible* bahkan pengarah filem *Star Wars*, George Lucas menggunakan pelbagai sumber agama untuk membina dunia *Star Wars* termasuk perkhabaran kiamat yang bersumberkan ramalan *Bible* mengenai bencana masa depan dan kehancuran dunia (John C. Lyden, 2016).

Dengan ini dapat dirumuskan perbuatan Yakuj dan Makjuj melepaskan anak panah ke langit tidak sesuai ditafsirkan dengan satu peperangan. Tambahan pula tidak dapat dibuktikan terdapatnya peperangan yang dimaksudkan melalui sumber-sumber yang sahih. Dalam hal ini, pengkaji berpandangan Imran N. Hosein tidak merujuk kepada pandangan ulama dan agak cenderung kepada penggunaan rasional akal dalam mentakwil hadis selain secara tidak sengaja terkesan dengan tafsiran sebahagian ahli kitab.

Metodologi Imran N. Hosein ini lebih mirip kepada pendekatan hermeneutik dalam memahami nas. Hermeneutik (hemeneutics) pada asalnya adalah suatu metodologi untuk memahami teks yang muncul berdasarkan latar belakang teks-teks penting dalam kepercayaan masyarakat Yunani dan juga teks-teks *Bible* Kristian dan Yahudi. Teks-teks yang diragui kesahihan dan kewibawaannya sama ada dari segi periwayatan mahupun kandungan akhirnya membuka ruang yang terlalu luas kepada pentafsir untuk menghuraikannya secara subjektif di samping mengkritik teks itu sendiri (Ahmad Bazli, 2012: 221-233). Metode ini kemudiannya dipraktikkan oleh sebahagian cendekiawan Islam untuk mentafsir dan memahami nas al-Quran dan hadis. Walaubagaimanapun hermeneutik kadang kala dinilai menyelisih ijmak atau menyalahi kaedah yang sudah digariskan oleh ulama. Oleh kerana itu majoriti ulama lebih mengutamakan metode tafsir dan syarah klasik berbanding pendekatan hermeneutik dalam memahami nas (Syarifudin & Masruhan, 2021: 375). Kesimpulannya, metode pemahaman sebegini perlu dihindarkan kerana implikasi pengabaian dan berpaling daripada pandangan ulama akhirnya membawa kepada salah faham dalam memahami hadis. Hadis perlu difahami mengikut pemahaman para ulama kerana itu merupakan kaedah yang paling baik dan berkesan seterusnya dapat mengelakkan daripada menambah atau mengurangi maksud hadis-hadis Nabi SAW (al-Hādī, 2010).

Implikasi Pengabaian Kaedah Memahami Hadis Fitān

Hadis -hadis fitān perlulah difahami mengikut sempadan makna Bahasa Arab dan kefahaman ulama hadis tanpa sikap yang melampau dan takwilan yang terlalu jauh sehingga mengeluarkan nas hadis dari maksudnya yang sebenar dari sudut bahasa dan syarak (Abu Bakr al-Kāfi, 2005). Al-'Ajīrī (2011) menjelaskan tentang kepentingan merujuk kepada pandangan ulama dalam perbahasan tentang fitān:

“Menjadi satu kewajipan bagi sesiapa yang menceburkan diri dalam bidang ini supaya tidak tergopoh-gapah dalam mengeluarkan pandangan sebelum bertanya dan meminta penjelasan kepada mereka yang pakar. Topik seumpama ini adalah di antara perkara yang dibincangkan secara mendalam yang memerlukan kepada menghimpunkan nas-nas, mengeluarkan hukum ke atasnya dan memerlukan penelitian dari sudut makna-maknanya. Setelah itu membandingkannya dengan realiti semasa untuk memastikan sejauh mana kebenaran dan kepalsuan hakikat tersebut. Ini merupakan salah satu bentuk daripada *tahqīq al-manāt* yang mempunyai syarat dan peraturan yang tidak dapat dikuasai oleh setiap orang melainkan para ulama.”

Para ulama di dalam huraian hadis Yakjuj dan Makjuj tidak menyebutkan tentang peperangan di akhir zaman yang melibatkan Yakjuj dan Makjuj. Bahkan tidak ditemui manapun pandangan ulama di dalam buku tanda-tanda kiamat (*ashrāt al-sā’ah*) dan fitnah akhir zaman (*al-fitān wa-al-malahim*) tentang peperangan Yakjuj dan Makjuj seperti mana dakwaan Imran N. Hosein (al-Barzanjī, 2005; al-Qannūjī, 2000; al-Shalabī, 1994; ‘Iṣām Musā Hādī, t.t; al-Wābil, 1994; al-Muqaddam, 2008; al-Mubayyad, 2006; al-Mashhūr, 2010). Sebaliknya peperangan Yakjuj dan Makjuj hanya ditemui di dalam sumber-sumber ahli kitab seperti mana yang telah dijelaskan di atas. Peperangan ini menurut tafsiran kitab suci agama Yahudi juga dikenali dengan peperangan Armageddon (al-Saqā, 2003). Ini menunjukkan peperangan Yakjuj dan Makjuj bukanlah bersumberkan hadis sebaliknya kepercayaan ini adalah daripada sumber-sumber ahli kitab (Isrā’iliyyāt).

Oleh kerana itu pemahaman kepada hadis-hadis *fitān* perlulah dirujuk terlebih dahulu kepada mereka yang pakar tentang hal ini. Menjadi satu keutamaan merujuk kepada tafsiran para sahabat, *tabi’īn* dan para ulama salaf untuk mendapatkan pemahaman yang sahih. Mereka lebih memahami sunnah dan kebiasaan tafsiran mereka bersumberkan Nabi SAW dan pemahaman mereka lebih tepat (Ahmad al-Mujtabā Banqā dan Ismā‘īl Ḥāj ‘Abd Allāh, 2012). al-Shāṭibī (1997) menjelaskan menjadi kewajipan bagi sesiapa yang mengamati dalil syarak hendaklah memberi perhatian terhadap pemahaman dan amalan para salaf kerana mereka lebih hampir dengan kebenaran dan lebih sempurna dari sudut ilmu dan amalan.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemikiran dan pandangan Imran N. Hosein tentang peperangan Yakjuj dan Makjuj berdasarkan hadis riwayat al-Nawwās bin Sam’ān al-Anṣārī adalah tidak selari dengan pandangan majoriti ulama. Perkataan anak panah dan tindakan Yakjuj dan Makjuj melancarkan anak panah ke langit di dalam hadis riwayat al-Nawwās bin Sam’ān tidak sewajarnya ditafsirkan sebagai satu peperangan. Analisis hadis-hadis tentang Yakjuj dan Makjuj menunjukkan mereka akan muncul di akhir zaman dengan berbekalkan senjata tradisional iaitu panah dan perisai dan tidak mempunyai teknologi ketenteraan moden. Walaupun mempunyai kekuatan dengan bilangan yang ramai, Yakjuj dan Makjuj tidak menerima tentang daripada Nabi Isa AS dan umat Islam pada ketika itu. Pemikiran Imran N. Hosein tentang perang Yakjuj dan Makjuj hakikatnya adalah pengaruh daripada sebahagian tafsiran daripada kitab *Bible*. Timbulnya salah faham dan kekeliruan dalam isu ini

berpunca daripada pengabaian kaedah memahami hadis serta mendahulukan pandangan logik akal berbanding dalil-dalil *naqliyyah* yang telah jelas kesahihannya selain mengetepikan pandangan para ulama. Oleh kerana itu, bagi mengelakkan salah faham dan kekeliruan berkaitan hadis-hadis terutamanya hadis *fītan* umat Islam perlulah mengikuti kaedah dan prinsip untuk memahami hadis yang telah digariskan oleh ulama.

RUJUKAN

- Abī al-Su‘ūd. (t.th.). Muḥammad bin Muḥammad al-‘Amādī, *Tafsīr Abī al-Su‘ūd*. Kaherah: Dār al-Maṣḥaf.
- al-Āḥmadī, Y. ‘Abd al-Rahmān. (2010). *Malāhim Ākhīr Zāmān ‘ind al-Muslimīn wa Ahl al-Kitāb*. Riyadh: Maktabah Majallat al-Bayān.
- al-‘Ajīrī, ‘Abd Allāh bin Ṣālih. (2011). *Maalim wa Manārāt fī Tanzīl Nuṣūṣ al-Fitān wa al-Malāhim wa Ashrāṭ al-Sā‘ah ‘alā al-Waqā‘i‘ wa al-Hawādīth*. Arab Saudi: al-Durar al-Sunniyyah.
- Alleyne, G. (2009, April 8). *QRC celebrates 150 years*. Trinidad and Tobago Newsday Archives. <https://archives.newsday.co.tt/2009/04/08/qrc-celebrates-150-years/>
- al-Alūsī, M. (t.t.). *Rūh al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān wa al-Sab‘ al-Mathānī*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-Andalūsī, A. Ḥayyān. (1993). *Tafsīr al-Bahr al-Muhiṭ*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Anṭūniyūs al-Fikrī, “Tafsīr al-Kitāb al-Muqaddas,” laman sesawang *St-Takla.org*, diakses 19 September 2020, https://st-takla.org/pub_Bible-Interpretations/Holy-Bible-Tafsir-02-New-Testament/Father-Antonious-Fekry/27-Sefr-El-Ro2ya/Tafseer-Sefr-Roia-Youhanna-El-Lahouty_01-Chapter-20.html#8
- al-‘Arīfī, M. bin ‘Abd al-Rahmān. (2011). *Nihāyat al-‘Ālam*. Riyadh: Dār al-Tadmuriyyah.
- al-Ashqar, U. S. (1991). *al-Qiyāmah al-Ṣughrā*. Amman, Jordan: Dār al-Nafāis.
- Banqā, A. al-Mujtabā, & Ḥāj ‘Abd Allāh, I. (2012). *Manhajīyyah Sharḥ al-Ḥadīth*: Aṣālah wa Mu‘āṣarah. *Majallat Al-Tajdīd*, 16(32).
- al-Barāwī, ‘Imād al-Dīn Shahtah. (2007). *Al-Malāhim wa Ashrāṭ al-Sā‘ah al-Muta‘alliqah bi al-Shām bayna al-Yāhūdiyyah wa al-Islām*. [Tesis Sarjana]. Universiti Islam, Gaza.
- al-Barzanī, M. bin R. (2005). *al-Ishā‘ah li Ashrāṭ al-Sā‘ah* (M. Z. al-Kandahlawī, ed.). Beirut: Dār al-Minhāj.
- al-Fikrī, A. (t.t.). *Tafsīr al-Kitāb al-Muqaddas*, https://st-takla.org/pub_Bible-Interpretations/Holy-Bible-Tafsir-02-New-Testament/Father-Antonious-Fekry/27-Sefr-El-Ro2ya/Tafseer-Sefr-Roia-Youhanna-El-Lahouty_01-Chapter-20.html#8, diakses 15 November 2022.
- Ghayth, M. bin. (2013). *Aḥādīth Ashrāṭ al-Sā‘ah wa Fiqhhiha*.
- Hādī, ‘Iṣām Musā. (t.t.). *Ṣahīḥ Ashrāṭ al-Sā‘ah*. Kaherah: al-Dār al-‘Uthmāniyyah.
- Hosein, I. N. (1997). *The prohibition of riba in the Qur`an and Sunnah*. New York: Masjid Darul Qur`an.
- Hosein, I. N. (1999). *Islam And Buddhism in the modern world*. Singapura: The Muslim Converts Association.
- Hosein, I. N. (2001). *The strategic significance of the fast of Ramadan & Isra' and Mi'raj*. New York: Masjid Dar al-Qur`an.

- Hosein, I. N. (2012). *An Islamic View Of Gog And Magog in the Modern World*. Trinidad And Tobago: Masjid Jāmi`ah.
- Hosein, I. N. (2019). *Dajjal, the Qur'an and Awwal al-Zamaan*. Kanada: Iron Heart Publishing.
- Hunter, S. A. (1921). *Studies in the Book of Revelation*. Pittsburgh: Pittsburgh Printing Company.
- Ibn al-'Arabī, M. bin 'Abd A. (1997). *'Āridat al-Ahwadhī bi Sharh Ṣahīh al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Mājah al-Qazwīnī, M. bin Y. al-Rab'ī. (2000). Sunan Ibnu Mājah. In Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (ed.), *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* (h. 2721). Riyadh: Dār al-Salām.
- Ibnu Kātib Qaysar, t.th. *Tafsīr al-Safar al-Ru'yā*, ed. Armāniyūs Ḥabshī, (Kaherah: Maktabah al-Mahabbah.
- Ibn Kathīr. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-Āzīm*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Ibn Kathīr. (t.t.). *al-Nihāyah fī al-Fitan wa al-Malāhim*. Kaherah: al-Maktab al-Thaqāfi.
- Imran N. Hosein. 2022. Yakuj dan Makjuj Mati, <https://www.youtube.com/watch?v=o70V-JG2P3A>, diakses 13 Jun 2022.
- Kāfi, A. B. (2005). Ahādīth al-Fitan bayna al-Fiqh al-Ṣahīh wa al-Ta'wīlāt al-Khāṭī'ah fī Dirāsāt al-Mu'āśirin. *al-Nadwah al-Thāniyah Al-Hadīth al-Sharīf Wa Tahaddiyāt Al-'Aṣr*. 28-30 Mac 2005, Dubai, United Arab Emirates. 254-285.
- al-Khin, M. (2018). Manhajiyat al-Ta'āmul ma'a al-Hadīth al-Fitan. *Al-Muqārabāt* 3:10.
- Lee, L. (2017). The enemies within: Gog of Magog in Ezekiel 38–39. *HTS: Theological Studies*, 73(3), 1-7.
- Lyden, J. C. (2016). The apocalyptic cosmology of Star Wars. *Journal of Religion & Film*, 4(1), 2.
- Markel, D. (2008). Monitoring and managing Lake Kinneret and its watershed, Northern Israel, a response to environmental, anthropogenic and political constraints. *Watershed management: case studies. The Icafi University Press, Punjagutta*, 87-106.
- al-Mashhūr, A. B. al-'Adnī bin A. B. (2010). *al-Usus wa al-Munṭaliqāt fī Tahlīl wa Tafsīl Ghawāmiḍ fiqh al-Taḥawwulāt wa mā Yartabiṭ bihi min Sunan al-Mawāqif wa al-Dilālāt al-Mustanbaṭah min Ashrāṭ al-Sā'ah wa Ahādīth al-Bayyināt*. Yaman: Markaz al-Ibdā' al-Thaqāfi wa Khidmat al-Turāth.
- Moskala, J. (2007). Toward the Fulfillment of the Gog and Magog Prophecy of Ezekiel 38–39. *Journal of the Adventist Theological Society*, 18(2), 6.
- al-Mubārakfūrī, M. A. (t.t.). *Tuhfat al-Ahwadhī bi Sharh Jāmi' al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Mubayyad, M. A. (2006). *al-Mausū'ah fī al-Fitan wa al-Malāhim wa Ashrāṭ al-Sā'ah*. Kaherah: Mu`assasah al-Mukhtār.
- al-Muqaddam, M. bin A. (2008). *Fiqh Ashrāṭ al-Sā'ah*. Iskandariah: al-Dār al-'Ālamiyah.
- Muslim bin al-Hajjāj. 2000. Ṣahīh Muslim. Dalam Ṣāliḥ 'Azīz Āl -Shaykh (ed.), *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*. (h.1187). Riyadh: Dār al-Salām.
- al-Nawawī, Y. bin S. (2000). *al-Minhāj fī Sharh Ṣahīh Muslim bin al-Hajjāj*. Amman: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- Pobee, J. S. (1988). Christian Mission Towards the Third Millennium: the Gospel of

- Hope. *Mission Studies*, 5(1), 6-14.
- al-Qannūjī, M. S. (2000). *al-Idhā`ah li mā kāna wa mā Yakūn bayna Yadayy al-Sā`ah*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- al-Qārī, ‘Alī bin Sultān Muḥammad. (2001). *Mirqāt al-Mafātīh Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīh*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Qayṣar, I. K. (t.t.). *Tafsīr al-Safar al-Ru’yā* (A. Ḥabshī, ed.). Kaherah: Maktabah al-Mahabbah.
- al-Rājiḥī, ‘A. (2018). *Tawṣīq al-Rabb al-Mun‘im bi Sharḥ Sahīh Muslim*. Riyadh: Markaz ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh al-Rājiḥī.
- al-Saqqāf, ‘Alawī bin ‘Abd al-Qādir (ed.). (2014). *Aḥādīth al-Fitan wa al-Malāḥim al-Muta‘alliqah bi al-Shām (Sūriyah)*. Arab Saudi: Mu’assasah al-Durar al-Sunniyyah.
- Schleifer, A. (2018). *The Muslim 500: The World’s Most Influential Muslim 2019*. Amman: The Royal Islamic Strategic Studies Centre.
- Sea of Galilee | lake, Israel. (2020). Dalam *Encyclopedia Britannica*. <https://www.britannica.com/place/Sea-of-Galilee>
- Sea Of Galilee. (2022). Dalam *WorldAtlas*. <https://www.worldatlas.com/seas/sea-of-galilee.html>
- Shafie, A. B., & Wahab, M. R. (2022). [The Liberal Approach to Islam and Its Contractions with The Sunni] Pendekatan Liberal terhadap Islam dan Percanggahananya dengan Manhaj Ahli Sunah Waljamaah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 23(1), 172-184.
- Shah, F. A. (2017). *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Shalabī, M. A. (1994). *Ṣahīḥ Ashrāṭ al-Sā`ah*. Jeddah, Arab Saudi: Maktabah al-Sawādi.
- al-Shāṭibī, I. bin M. al-Lakhmī. (1997). *al-Muwāfaqāt* (M. bin Hasan Āl Salmān, ed.). Arab Saudi: Dār Ibn ‘Affān.
- Sutherland, S. H., Feinberg, C. L., & Padgett, C. J. (2017). *Panel Discussions*. California: Biola Radio Publications.
- Syarifudin, M., & Masruhan, M. (2021). Interpretasi Hadis: Antara Hermeneutika Dan Syarh Al-Hadits (Studi Komparatif). *TAJDID: Jurnal Ilmu Ushuluddin*, 20(2), 373-400.
- Tibor, G., Markel, D., Kaplan, D., Haramati, M., & Tal, D. (2012). A rapid and cost-effective method for vegetation mapping and nutrient content evaluation along the receding Lake Kinneret shoreline using oblique airborne video integrated into the GeoSky™ system. *Israel Journal of Plant Sciences*, 60(1-2), 151-159.
- al-Uramī, M. A. (2018). *Murshid Dhawī al-Hijā wa al-Hajah ilā Sunan Ibnu Mājah*, Jeddah: Dār al-Minhāj